MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan pada suku pertama meskipun pasaran kewangan global dan domestik mengalami turun naik. Pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan.

Risiko kredit dalam sistem perbankan terus stabil sepanjang suku pertama kerana peminjam mempunyai keupayaan untuk membayar balik hutang secara umum. Paras pinjaman terjejas bersih dan pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan hampir tidak berubah pada 1.3% daripada pinjaman bersih (S4 2013: 1.3%) dan 2.4% daripada jumlah pinjaman (S4 2013: 2.5%). Saiz dedahan risiko kredit industri insurans, terutamanya melalui pemegangan sekuriti hutang swasta dan penempatan insurans semula, terus stabil pada 3.4% daripada modal asas (S4 2013: 3.3%).

Pada suku pertama, agregat peminjaman isi rumah melalui bank dan institusi kewangan bukan bank utama meningkat pada kadar lebih sederhana iaitu 2.3% berbanding dengan suku sebelumnya (S4 2013: +2.9%) kepada RM873.3 bilion (S4 2013: RM854.3 bilion). Pada asas tahunan, hutang isi rumah agregat juga meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 11.0% (S1 2013: 13.9%). Trend ini mencerminkan terutamanya pertumbuhan yang secara relatif lebih perlahan dalam pembiayaan untuk kegunaan persendirian serta pembelian harta dan kenderaan motor pada suku itu. Bersama-sama keadaan pendapatan dan guna tenaga yang stabil, pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak sektor isi rumah antara satu hingga tiga bulan terus menyusut dan masing-masing mencakupi 1.2% dan 1.7% daripada jumlah peminjaman oleh sektor perbankan (S4 2013: masing-masing 1.3% dan 2.1%). Pada paras agregat, aset kewangan isi rumah terus kukuh pada 2.2 kali hutang isi rumah.

Nisbah perlindungan faedah keseluruhan bagi perniagaan meningkat kepada 9 kali dalam suku keempat 2013 (S3 2013: 6.1 kali) disokong oleh keuntungan operasi yang lebih tinggi, manakala leveraj seperti yang diukur oleh nisbah hutang kepada ekuiti adalah stabil pada 39.7% (S3 2013: 39.2%). Tunai agregat dan kesamaan tunai (cash equivalent) bagi perniagaan mencakupi 11.5 kali kos kewangan (S3 2013: 11.4 kali). Aset semasa juga stabil pada 1.8 kali liabiliti semasa (S3 2013: 1.9 kali). Kualiti dedahan kredit sistem perbankan terhadap perniagaan terus teguh, dengan nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan masing-masing pada 2.8% dan 0.5% daripada jumlah pinjaman perniagaan (S4 2013: masing-masing 2.8% dan 0.4%). Risiko mungkir, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, kekal rendah dan bertambah baik kepada 0.18% (S4 2013: 0.23%) dalam keadaan prestasi kewangan perniagaan yang mampan.

Ketidaktentuan dalam pengantaraan aliran portfolio jangka pendek diurus dengan baik tanpa mengganggu pasaran kewangan domestik dan aktiviti pengantaraan. Purata ketidaktentuan bagi kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI masing-masing menyusut kepada 10.7% dan 7.1% (S4 2013: masing-masing 15.5% dan 8.8%) berikutan langkah pengecilan skala program pelonggaran kuantitatif oleh Federal Reserve yang

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih jelas. Permintaan institusi tempatan terhadap ekuiti dan bon sedikit sebanyak turut menyumbang kepada pengurangan sebahagian daripada ketidaktentuan dalam pasaran kewangan domestik. Spread bida tawar MGS dan FBM KLCI masing-masing berpurata pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan (S4 2013: masing-masing 0.1% dan 0.7%). Nisbah pusing ganti MGS dan FBM KLCI masing-masing terus stabil pada 9.1% dan 1.8% (S4 2013: masing-masing 9.7% dan 1.6%).

Dedahan risiko pasaran terus diurus dengan wajar oleh institusi kewangan, disokong oleh strategi pengurusan risiko dan perlindungan nilai yang proaktif dan berterusan. Dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam buku dagangan mencakupi 1.7% daripada jumlah modal (S4 2013: 1.6%). Dedahan kepada risiko ekuiti meningkat sedikit kepada 0.9% daripada jumlah modal (S4 2013: 0.8%), manakala kedudukan terbuka bersih pertukaran asing sistem perbankan meningkat kepada 6.2% daripada jumlah modal pada suku itu (S4 2013: 5.7%). Dedahan risiko pasaran industri insurans meningkat sedikit untuk mencakupi 12.4% (S4 2013: 12.3%) daripada jumlah modal yang tersedia, didorong oleh risiko ekuiti yang lebih tinggi, yang membentuk 7.7% (S4 2013: 7.6%) daripada jumlah modal yang tersedia.

Bank Negara Malaysia terus memantau dengan rapi tanda-tanda kemungkinan meningkatnya risiko dalam system kewangan. Meskipun peningkatan hutang isi rumah terus sederhana susulan pelaksanaan langkah-langkah kehematan makro dan mikro, hutang isi rumah kekal tinggi terutamanya dalam kalangan isi rumah yang berpendapatan lebih rendah. Pengawasan yang rapi perlu dikekalkan terhadap amalan pemberian pinjaman dalam segmen isi rumah dan harta tanah yang boleh menyumbang kepada ketidakseimbangan kewangan. Pengurusan risiko berhemat yang berterusan oleh institusi kewangan dan perniagaan juga wajar dalam persekitaran yang keadaaan pasarannya dijangka terus tidak menentu.

Sistem Perbankan: Permodalan mengikut Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal telah jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12%, 12.8% dan 14.4%. Jumlah penampan modal sistem perbankan berada pada paras melebihi RM80 bilion. Lebih daripada 80% jumlah modal bank merangkumi modal berkualiti tinggi, yang terdiri daripada modal berbayar, keuntungan tertahan dan rizab. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 249.7% (S4 2013: 246.1%), dengan penampan modal yang melebihi RM25 bilion.

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM8 bilion pada suku pertama tahun 2014 (S4 2013: RM8.2 bilion),

dengan pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.5% dan 16% (S4 2013: masing-masing 1.5% dan 15.9%). Paras keuntungan yang rendah sedikit adalah disebabkan oleh pertumbuhan pendapatan yang lebih rendah daripada aktiviti perdagangan, dan perkhidmatan berkaitan pengunderaitan dan nasihat korporat. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga kekal tidak berubah pada RM3.2 bilion kerana pembayaran manfaat polisi bersih yang lebih rendah mengimbangi kerugian pelaburan tidak direalisasi bersih yang lebih tinggi pada suku itu. Penanggung insurans am dan pengendali takaful am mencatat keuntungan operasi yang lebih rendah iaitu RM816.9 juta (S4 2013: RM1 bilion) disebabkan oleh pendapatan pelaburan dan pendapatan premium diperoleh yang lebih rendah.

Mudah tunai dalam sistem perbankan lebih daripada mencukupi dengan penampan untuk memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek dalam tempoh satu minggu dan satu bulan kekal melebihi keperluan kawal selia minimum, masing-masing pada 14.2% daripada jumlah deposit (S4 2013: kedua-duanya 14.7%). Penempatan bersih oleh institusi perbankan dengan Bank Negara Malaysia, yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan mudah tunai tambahan, berjumlah RM115 bilion (S4 2013: RM135 bilion). Kedudukan ketakpadanan dolar AS dalam kelompok matang kurang daripada satu minggu dan satu bulan masing-masing mencatat lebihan bersih sebanyak RM1.7 bilion dan RM7.9 bilion (S4 2013: lebihan masing-masing sebanyak RM1.5 bilion dan RM5.3 bilion) meskipun terdapat aliran keluar modal bersih pada suku tersebut.

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta			
Insurans hayat & takaful keluarga				
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,784.1	3,322.3	13,165.3	3,205.9
Insurans am & takaful am				
Keuntungan kendalian	739.6	1,063.7	3,223.4	816.9
Nisbah tuntutan (%)	58.3	57.1	57.1	54.9
	Perubahan tahunan (%)			
Insurans hayat & takaful keluarga				
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-3.3	-28.2	-26.5	-15.3
Insurans am & takaful am				
Keuntungan kendalian	17.5	24.6	14.7	10.4
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-2.2	-0.2	-0.2	-3.4

Sumber: Bank Negara Malaysia